



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

JKM SIAP SIAGA HADAPI KEMUNGKINAN GELOMBANG KEDUA BANJIR

KUALA LUMPUR, 29 Disember – YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah membuat tinjauan dan pemantauan kesiapsiagaan Depoh Simpanan Keperluan Bencana (DSKB) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi Zon Tengah. Tinjauan ini sebagai **persediaan menghadapi kemungkinan gelombang kedua bencana banjir berikutan laporan dan ramalan cuaca oleh Jabatan Meteorologi Malaysia yang menunjukkan akan berlakunya hujan lebat di beberapa buah negeri.**

Memandangkan sebahagian besar stok di DSKB Sungai Buloh telah digunakan semasa bencana baru-baru ini, maka pihak JKM telah diarahkan untuk membuat perolehan segera bagi menggantikan semula bekalan keperluan asas dan keperluan tambahan bencana.

Terdapat 8 DSKB di negara ini iaitu di negeri Kedah, Selangor, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Sarawak dan Sabah. Sebanyak 165 stor bencana negeri dan mini depoh serta 521 Stor Pangkalan Hadapan di seluruh negara.

YB Menteri juga telah mengarahkan agar semua lapan (8) DSKB JKM berada dalam keadaan bersedia dengan memastikan barangan bantuan keperluan asas bencana dan keperluan tambahan sentiasa mencukupi. **Beliau juga menekankan bahawa persediaan ini penting supaya tidak berlaku sebarang kelewatan dalam usaha membantu mangsa bencana yang berada dalam kesusahan.**

Sehingga 29 Disember 2021, terdapat 95 buah Pusat Pemindahan Sementara (PPS) yang masih beroperasi di 6 buah negeri di seluruh Malaysia yang menempatkan sebanyak 3,830 buah keluarga dan 12,758 mangsa bencana banjir dan tanah runtuh.

Untuk rekod, sebanyak 5,731 buah PPS berdaftar sedia ada di seluruh negara, dan terdapat sebanyak 78 buah PPS tambahan baharu telah didaftarkan berikutan bencana banjir baru-baru ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan PPS yang telah berdaftar sebanyak 5,809 buah di seluruh negara yang boleh menempatkan seramai 1.7 juta orang mangsa bencana. Dalam hal ini, JKM bersedia memberikan kerjasama dan memudahkan pembukaan PPS baharu dalam menangani isu penempatan sementara mangsa bencana yang di luar jangkaan. Menyedari akan keperluan pengurusan mangsa bencana yang lebih efektif, **Kementerian melalui JKM bersedia untuk menambah sebanyak 500 PPS baharu di seluruh negara.**

Pada masa yang sama, Kementerian sedang mengenalpasti PPS yang bersesuaian untuk dijadikan sebagai Pangkalan Hadapan. Dalam hubungan ini sebanyak 200 buah lagi Pangkalan Hadapan baharu ditubuhkan khususnya di negeri Selangor dan Johor. Pangkalan

Hadapan ini berfungsi sebagai stor dalam komuniti yang menyimpan barangan asas untuk mempercepatkan proses agihan bantuan kepada mangsa bencana.

Sementara itu dalam menghadapi Pasca Bencana, **KPWKM telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemulihan Sosial yang ditubuhkan di bawah Pasukan Petugas Khas Operasi dan Pasca Banjir.** Menerusi jawatankuasa ini, Kementerian antaranya berperanan membantu mengembalikan semangat dan memberikan sokongan psikososial kepada mangsa yang terkesan akibat bencana banjir.

###

**Disediakan Oleh:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
29 Disember 2021**